# PROSEDUR
# PENYELIAAN KERJA BERKALA PAVEMEN DAN BUKAN PAVEMEN

**[JKR.PK(SJ).01.04.03]**

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

**KANDUNGAN** **Muka Surat**

**1.0 OBJEKTIF** ........ 1
**2.0 SKOP** ........ 1
**3.0 RUJUKAN** ........ 1
**4.0 DEFINISI** ........ 1
**5.0 SINGKATAN** ........ 3
**6.0 PROSES KERJA DAN TANGGUNGJAWAB** ........ 5
6.1 Proses Kerja Berkala Pavemen ........ 5
6.2 Proses Kerja Penyeliaan dan Pemantauan Kerja Jabatan ........ 6
**7.0 REKOD KUALITI** ........ 7
**8.0 LAMPIRAN** ........ 7

(i) Borang Kajian Awalan dan Lawatan Tapak (Berkala Pavemen)
(ii) Senarai Semakan Kerja (Berkala Pavemen)
(iii) Borang Pemeriksaan Bersama Untuk Penerimaan
(iv) Anggaran Penyenggaraan Jalan (Borang APJ)
(v) Surat Laksana Kerja (SLK)
(vi) Arahan Kerja (AK)
(vii) Perakuan Siap Kerja
(viii) Sijil Siap Kerja (CoC)

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini adalah garis panduan pengurusan dan penyeliaan kerja berkala pavemen dalam menzahirkan produk sebagaimana dasar dan objektif kualiti.

## 2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh semua kakitangan dan pegawai yang ditugaskan dalam menyelia kerja berkala pavemen di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia di bawah tanggungjawab JKR Malaysia dan JKR Negeri serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian Konsesi Penyenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

## 3.0 RUJUKAN

3.1 Dokumen Perjanjian Konsesi Penyenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia bertarikh **23 Ogos 2017 / 5 April 2018.**

3.2 Dokumen Perjanjian Tambahan Konsesi Penyenggaraan Jalan- Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

## 4.0 DEFINISI

**4.1 Dokumen Perjanjian Konsesi**

Dokumen Perjanjian Konsesi merupakan dokumen perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi yang mengandungi surat perjanjian, skop kerja, syarat-syarat perjanjian, kadar harga dan / atau maklumat yang berkaitan yang perlu.

**4.2 Bahagian Senggara Fasiliti Jalan (Zon) (BSFJ (Zon))**

BSFJ (Zon) adalah pejabat di CSFJ yang bertindak sebagai Pengurus Program dan melaksanakan auditan dan pemantauan ke atas Penyenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia

**4.3 Bahagian Jalan, JKR Negeri**

Bahagian Jalan, JKR Negeri adalah pejabat yang melaksanakan pengurusan dan penyenggaraan Aset Persekutuan untuk Perjanjian Konsesi Penyenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

**4.4 Surat Laksana Kerja**

Surat Laksana Kerja adalah satu surat yang menggariskan syarat syarat laksana kerja yang dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa kepada syarikat konsesi di bawah Perjanjian Konsesi Penyenggaraan Jalan-jalan Persekutuan Di Semenanjung Malaysia. Surat ini

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

dikeluarkan berdasarkan **klausa 7.4 / 8.4** – *Performance of The Works and Penalty for Non-Performance* (Dokumen Perjanjian Konsesi).

**4.5 Borang PJP01**

Borang PJP01 adalah perakuan bayaran kerja penyenggaraan jalan persekutuan.

**4.6 Harta Pelanggan**

Harta Pelanggan adalah harta/ komponen/ produk yang dibekalkan/ diserahkan oleh pelanggan kepada JKR bagi tujuan pelaksanaan projek seperti tanah bagi Tapak Projek / Perabot / Peralatan Mekanikal/ Peralatan Elektrikal.

**4.7 Kalibrasi**

Kalibrasi adalah merupakan ketentukuran bagi sesuatu peralatan mengikut piawaian atau makmal yang diiktiraf mengikut tempoh sah dan julat ketepatan yang dibenarkan.

**4.9 Method Statement**

*Method Statement* merupakan pernyataan tatacara/ kaedah kerja pembinaan yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh pihak kontraktor bagi sesuatu aktiviti pembinaan/ pemasangan produk yang berkaitan.

**4.10 Mock-up**

*Mock-up* merupakan aktiviti pembinaan/ pemasangan yang dilaksanakan oleh konsesi/ perunding untuk dijadikan sebagai penanda aras yang dipersetujui oleh PTB sebelum pembinaan keseluruhan.

**4.11 Lukisan Kerja dan *Distress Mapping***

Lukisan Kerja dan *distress mapping* merupakan cadangan lukisan yang menunjukkan lokasi pembaikan yang hendak dijalankan.

**4.13 Sijil Siap Kerja (*CoC*)**

Sijil Siap Kerja adalah satu perakuan dari JKR Daerah yang diberi kuasa untuk mengesahkan kerja siap dilaksanakan sepenuhnya/ sebahagian mengikut **klausa 8.3 / 9.3** - Perakuan Siap Kerja (Dokumen Perjanjian Konsesi).

**4.14 Syarikat Konsesi**

Syarikat konsesi adalah syarikat yang dinamakan di dalam Dokumen Perjanjian Konsesi.

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

## 5.0 SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| APJ | - | Anggaran Penyenggaraan Jalan. |
| BSFJ (Zon) | - | Bahagian Senggara Fasiliti Jalan (Utara, Tengah/Timur, Selatan), Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. |
| CSFJ | - | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia. |
| CMGD | - | Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (*Certificate of Completion of Making Good Defects*). |
| CoC | - | Sijil Siap Kerja (*Certificate of Completion*). |
| JD | - | Jurutera Daerah. |
| KKR | - | Kementerian Kerja Raya. |
| KETUA (Zon) | | Jurutera Awam Penguasa Kanan, Bahagian Senggara Fasiliti Jalan (Utara, Tengah/Timur, Selatan) di CSFJ. |
| KBJ | - | Ketua Bahagian Jalan (iaitu Jurutera Awam Penguasa Jalan/ Jurutera Awam Kanan Jalan) |
| NOD | - | Notis Kecacatan (*Notification of Defects).* |
| NCP | - | Produk Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi (*Non-Comformance Product*). |
| NCR | - | Laporan Ketidakpatuhan *(Non-Conformance Report)* |
| PTJ | - | Pusat Tanggungjawab. |
| PDI | - | *Pre Delivery Inspection*. |
| PWT | - | *Performance Witness Testing*. |
| PTB | - | Penyelia Tapak Bina. |
| PCSFJ | - | Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia. |
| PB | - | Pengarah Berkenaan yang terdiri dari Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia, Pengarah JKR Negeri/ Pengarah JKR Wilayah Persekutuan/Pengarah |

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

| | | |
|---|---|---|
| | | JKR Pembangunan Persekutuan/Pengarah Unit Khas JKR. |
| PTJ | - | Pusat Tanggungjawab. |
| SLK | - | Surat Laksana Kerja. |
| S.O.R | - | *Schedule of Rates.* |
| SST | - | Surat Setuju Terima. |
| **SPSB** | - | **Sistem pengurusan Senggara Bersepadu.** |
| WK | - | Wakil Kerajaan iaitu Ketua Pengarah Kerja Raya JKR Malaysia. |
| **TB** | **-** | **Tidak Berkenaan** |

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

# 6.0 PROSES KERJA DAN TANGGUNGJAWAB

## 6.1 Proses Kerja Berkala (Pavemen & Bukan Pavemen)




Nota: Kelulusan PQP perihal kerja perlu diberi maklumbalas dalam tempoh masa 14hari. Sekiranya tiada maklum balas dianggap sebagai lulus.

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

## 6.2 Proses Kerja Penyeliaan dan Pemantauan Kerja Jabatan




@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

## 7.0 REKOD KUALITI

| BIL. | JENIS REKOD | LOKASI | TEMPOH PENYIMPANAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Surat Laksana Kerja (SLK) | Fail JD | 7 Tahun |
| 2 | Sijil Siap Praktikal | Fail JD | 7 Tahun |
| 3 | Sijil Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) | Fail JD | 7 Tahun |
| 4 | Borang Kalibrasi Peralatan | Fail JD | 7 Tahun |
| 5 | Rekod/Borang/ Senarai Semakan bagi Pemeriksaan/ Pengujian | Fail JD | 7 Tahun |
| 6 | Minit Mesyuarat Pra Pembinaan/ Tapak | Fail JD | 7 Tahun |

## 8.0 LAMPIRAN

(i) Borang Kajian Awalan dan Lawatan Tapak (Berkala Pavemen) [Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-1]

(ii) Senarai Semakan Kerja (Berkala Pavemen) [Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-2]

(iii) Borang Pemeriksaan Bersama [Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-3]

(iv) Anggaran Penyenggaraan Jalan (Borang APJ) [Borang JKR.PK(SJ).01.04.01-APJ]

(v) Surat Laksana Kerja (SLK) [Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-SLK]

(vi) Arahan Kerja (AK) [Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-AK]

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL

(vii) Senarai Semakan Pelan Pengurusan Trafik TMP
[**Borang JKR.PK(SJ).01.04.06-06**]

(viii) Perakuan Siap Kerja
[Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-PSK]

(ix) Sijil Siap Kerja (CoC)
[Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-COC]

(ix) Surat Kelulusan Tarikh Siap Baru
[Borang JKR.PK(SJ).01.04.03-EOT]

@ HAKCIPTA JKR MALAYSIA

DOKUMEN TERKAWAL